

**SULIT**

02/2

Bahasa Melayu

Kertas 2

2 jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR TAHUN 2009**

---

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 2**

Masa : 2 jam

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian : Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.
2. Bahagian A terdiri daripada dua bahagian :Bahagian A(i) dan Bahagian A(ii). Anda dikehendaki supaya menjawab kedua-dua bahagian tersebut. Bahagian B dan Bahagian D juga mesti dijawab. Manakala Bahagian C mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta supaya menjawab satu soalan sahaja.
3. Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab Bahagian A, 25 minit untuk Bahagian B, 45 minit untuk Bahagian C dan 10 minit untuk bahagian D.

---

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak

@PKPSM Pahang

**Bahagian A ( i )**  
[ Masa dicadangkan : 40 minit ]  
[ 20 markah ]

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan tulis sebuah ringkasan tentang faedah-faedah menyertai kegiatan kokurikulum kepada pelajar. Panjang ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Kokurikulum merupakan satu bentuk pendidikan tidak formal di luar bilik darjah. Kokurikulum terbahagi kepada tiga kategori iaitu unit beruniform, kelab dan persatuan serta sukan dan permainan.

Aktiviti yang diadakan melalui kegiatan ini jelas memberikan manfaat kepada mereka yang terlibat atau mengambil bahagian. Salah satu faktor rosaknya akhlak pelajar-pelajar masa ini disebabkan mereka tidak terbabit dalam aktiviti yang berfaedah. Melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum juga dapat mencerna minda pelajar-pelajar untuk berfikir secara kreatif dan kritis.

Penglibatan dalam kerja-kerja berkumpulan pula membolehkan mereka belajar hidup bekerjasama dan saling membantu antara satu sama lain. Cara ini akan menjadikan pelajar lebih bertanggungjawab. Selain itu, pelajar yang menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah dapat memanfaatkan masa yang terluang dengan sebaik-baiknya. Oleh hal yang demikian, mereka *tidak ada lagi ruang* untuk terlibat dalam kegiatan-kegiatan negatif. Kegiatan kokurikulum juga dapat dijadikan medan untuk melahirkan bakal pemimpin pada masa hadapan.

Selain itu, sikap bertanggungjawab juga terbentuk dalam kalangan pelajar yang bergiat aktif dalam kokurikulum. Sikap bertanggungjawab ini bukan sahaja kepada diri sendiri, keluarga dan sekolah, bahkan juga kepada negara. Hal ini dapat dibuktikan melalui penyertaan pelajar dalam aktiviti silat, tae kwon do, dan sebagainya. Kemahiran dan pengetahuan ini dapat digunakan semasa mereka berada di luar sekolah atau setelah tamat persekolahan.

Aktiviti kokurikulum juga menjadikan seseorang pelajar itu cergas dan cerdas dari segi fizikal dan mental. Pelajar-pelajar yang menganggotai unit beruniform seperti Pengakap, Kadet Remaja Sekolah, Kadet Polis, dan sebagainya sering mengikuti aktiviti yang lasak yang akhirnya pengalaman itu dapat membentuk mereka menjadi berani.

Di samping itu, pelajar juga dapat menghabiskan masa mereka dengan melakukan perkara-perkara yang berfaedah. Mereka dapat mengisi masa lapang mereka dengan menjalankan aktiviti persatuan, kelab permainan, dan badan beruniform. Semangat bekerjasama antara rakan, bermuafakat, dan perpaduan turut terbentuk apabila pelajar melakukan aktiviti-aktiviti tersebut.

**Bahagian A ( ii ) : Pemahaman**

[ 10 markah ]


Berdasarkan petikan **Bahagian A ( i )**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- 1 Berikan maksud rangkai kata *tidak ada lagi ruang* dalam petikan di atas.  
[ 2 markah ]
  
- 2 Apakah bukti bahawa penyertaan pelajar dalam aktiviti kokurikulum berguna kepada mereka?  
[ 4 markah ]
  
- 3 Nyatakan dua langkah yang pada pendapat anda dapat memupuk minat pelajar agar melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum.  
[ 4 markah ]

**Bahagian B**

[ 20 markah ]

*Rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang, sumbangan persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia kepada masyarakat Panjangnya huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

**Sumbangan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia**

**Bahagian C**

[ 40 Markah ]

Tulis **sebuah** karangan tentang **satu** daripada perkara di bawah. Panjangnya karangan anda hendaklah **lebih daripada 180 patah perkataan**.

- 1 Kepentingan menguasai pelbagai bahasa amat dititikberatkan dalam diri seseorang pelajar sejajar dengan perkembangan ilmu sains dan teknologi.

Kemukakan pendapat anda.

- 2 Anda menuntut disebuah sekolah berasrama penuh dan berkesempatan menyertai lawatan sambil belajar ke tempat peranginan.

Tulis sepucuk surat kepada keluarga untuk menceritakan pengalaman anda itu. .

- 3 Persatuan Sejarah Sekolah anda telah mengadakan lawatan sambil belajar ke sebuah Muzium . Sebagai setiausaha persatuan, anda dikehendaki menulis satu laporan tentang lawatan itu.

Tulis laporan tersebut selengkapnya.

- 3 Semangat kejiwaan dalam kalangan masyarakat pada hari ini kian terhakis.

Huraikan langkah-langkah yang dapat dilakukan untuk memupuk semangat kejiwaan.

- 5 Sektor pertanian semakin mendapat tempat dalam usaha memajukan negara.

Jelaskan langkah-langkah untuk memajukan sektor ini.

**Bahagian D**

[ 10 markah ]

Jawapan mestilah berdasarkan novel yang telah anda kaji di Tingkatan 1 dan Tingkatan 2.

- ( i ) *Limpahan Darah di Sungai Semur, karya Zakaria Salleh.*
- ( ii ) *Timulak Kapal Perang, karya Azmah Nordin*

Semangat cinta akan tanah air

Berikan **dua contoh peristiwa** daripada novel **Tingkatan Satu** dan **dua contoh peristiwa** daripada novel **Tingkatan Dua** berdasarkan pernyataan di atas.

**KERTAS SOALAN TAMAT**